



جباتن كحاكين شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Department of Syariah Judiciary Malaysia  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my  
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 ( 32 )  
Takwim : 23 Rabi'ul Akhir 1440H  
Tarikh : 31 Disember 2018

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri.


### ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2018

#### Etika Dan Peraturan Hakim Syarie Untuk Menyampaikan Ceramah Atau Apa-Apa Pengajaran Tentang Agama Islam di Masjid/Surau

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan etika dan peraturan Hakim Syarie untuk menyampaikan ceramah atau apa-apa pengajaran tentang agama Islam di masjid/surau seperti di Lampiran.

2. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No. 1 Tahun 2001: Kod Etika Hakim Syarie.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

  
(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA

SYARIAH ASAS KEADILAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008

**ETIKA DAN PERATURAN HAKIM SYARIE UNTUK MENYAMPAIKAN CERAMAH  
ATAU APA-APA PENGAJARAN TENTANG AGAMA ISLAM DI MASJID/SURAU**

Ketua Hakim Syarie menetapkan etika dan peraturan Hakim Syarie untuk menyampaikan ceramah atau apa-apa pengajaran tentang agama Islam di masjid/surau seperti yang berikut:

1. Seseorang Pegawai Syariah yang menjawat jawatan Hakim Syarie boleh memohon tauliah atau memohon pengecualian untuk menyampaikan ceramah tanpa tauliah, tertakluk kepada peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri.
2. Hakim Syarie yang telah memperolehi tauliah atau pengecualian seperti perenggan 1 di atas hendaklah terikat dan mematuhi syarat-syarat berikut—
  - 2.1. Hakim Syarie termasuk Pegawai Syariah boleh dibenarkan berceramah dengan **kebenaran khusus** oleh Ketua Pengarah JKSM, Ketua Hakim Syarie Negeri atau Ketua Jabatan tempat bertugas;
  - 2.2. Hakim Syarie pada ketika menjawat jawatan tersebut hanyalah dibenarkan mengajar tidak lebih tiga (3) buah masjid/surau atau tiga (3) kali ceramah umum dalam satu (1) bulan;
  - 2.3. Hakim Syarie hanya dibenarkan menyampaikan ceramah atau mengajar agama selain di masjid atau surau di daerah bertugas kecuali atas kebenaran Ketua Pengarah JKSM, Ketua Hakim Syarie Negeri atau Ketua Jabatan tempat bertugas;
  - 2.4. Hakim Syarie tidak boleh menggunakan nama jawatannya pada bila-bila masa semasa menyampaikan ceramah atau mengajar agama di masjid atau surau;

## LAIN-LAIN

- 2.5. Hakim Syarie tidak dibenarkan menyampaikan ceramah dan mengajar agama tersebut ketika waktu bekerja atau waktu pejabat kecuali atas kebenaran Ketua Pengarah JKSM, Ketua Hakim Syarie Negeri atau Ketua Jabatan tempat bertugas;
- 2.6. aktiviti menyampaikan ceramah dan mengajar agama hendaklah dilaporkan kepada Ketua Pengarah JKSM, Ketua Hakim Syarie Negeri atau Ketua Jabatan tempat bertugas secara bulanan; dan
- 2.7. aktiviti menyampaikan ceramah dan mengajar agama pada waktu malam pada hari bekerja hendaklah dihadkan sehingga jam 10.00 malam sahaja;
3. Pengecualian kebenaran kepada Hakim Syarie menyampaikan ceramah dan mengajar agama hanya terpakai ketika menjawat jawatan Hakim Syarie sahaja.

Bertarikh: **31** Disember 2018

  
(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA